

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PEPERIKSAAN AKHIR TEORI
SESI II : 2023 / 2024**

SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

**SPP 10173
MATEMATIK PERNIAGAAN**

Dua (2) jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN UMUM

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan di kedua-dua bahagian.
3. Bahagian A mengandungi **Dua Puluh (20)** soalan aneka pilihan dengan empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** pilihan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Bahagian B mengandungi **Tiga (3)** soalan subjektif. Tuliskan jawapan anda dalam buku jawapan yang disediakan.
5. Kertas soalan ini hendaklah dikembalikan semula kepada Pengawas setelah tamat peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi **SEBELAS (11)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

BAHAGIAN A*[40 markah]*

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

1. Kenalpasti pernyataan yang **BETUL** bagi definisi Titik Pulang Modal (TPM). CLO1
T1
 - A** TPM menanggung keseluruhan kos dalam perniagaan merangkumi kos tetap dan kos berubah per unit.
 - B** TPM adalah analisis perhubungan antara kos, kuantiti dan hasil jualan operasi pengeluaran sesebuah syarikat.
 - C** TPM merupakan pendapatan yang diterima atau akan diterima daripada aktiviti jualan barang niaga atau perkhidmatan yang diberikan.
 - D** TPM merupakan kaedah yang digunakan oleh perniagaan bagi merancang dan memastikan hasil yang diperoleh bersamaan dengan jumlah kos yang ditanggung.

2. Berikut merupakan konsep kos dalam pengoperasian sesebuah perniagaan. CLO1
T1

Pilih pernyataan yang **BETUL** bagi konsep kos tetap dan kos berubah.

 - I. Kos tetap atau belanja tetap merupakan perbelanjaan yang tidak berubah dan tidak terkesan dengan faktor pengeluaran.
 - II. Contoh kos tetap ialah perbelanjaan yang merangkumi pembelian bahan mentah, bayaran upah pekerja dan bayaran utiliti.
 - III. Kos berubah seunit diperoleh dengan membahagikan jumlah kos berubah dengan jumlah output
 - IV. Kos berubah merupakan perbelanjaan yang berubah-ubah atas faktor pengeluaran.
 - A** I, II dan III
 - B** I, II dan IV
 - C** I, III dan IV
 - D** II, III dan IV

3. TPM (unit) = 12, 000 unit CLO1
TPM (RM) = RM 180, 000 T1
Jumlah Kos = RM 80, 000

Berdasarkan maklumat di atas, sekiranya Syarikat A merancang untuk meningkatkan keuntungan syarikat, perincian perancangan yang perlu syarikat tersebut lakukan.

- A** Jumlah jualan (unit) bersamaan dengan TPM (unit)
- B** Mengurangkan jumlah jualan (unit) kepada 8, 000 unit
- C** Meningkatkan jumlah jualan (unit) kepada 20, 000 unit
- D** Meningkatkan perbelanjaan jumlah kos kepada RM 90, 000

Berdasarkan maklumat berikut, jawab soalan 4 hingga 6.

X Plus Strategy Sdn Bhd bercadang untuk mengeluarkan produk kosmetik yang akan dipasarkan secara atas talian. Berikut merupakan maklumat yang diperolehi: -

Jumlah jualan	=	10,000 unit
Harga jualan seunit	=	RM 80
Kos berubah seunit	=	RM 5
Kos Tetap	=	RM 70,000

4. Kirakan hasil jualan syarikat tersebut. CLO2
T1

- A** RM 80, 000
- B** RM 120, 000
- C** RM 200, 000
- D** RM 800, 000

5. Kirakan jumlah keuntungan yang diperolehi. CLO2
T1

- A** RM 450, 000
- B** RM 500, 000
- C** RM 680, 000
- D** RM 800, 000

6. Selesaikan pengiraan unit jualan yang perlu syarikat tersebut jual untuk CLO2 mencapai target untung RM 10, 000? T1
- A** 1, 067 unit
B 1, 267 unit
C 1, 500 unit
D 1, 700 unit
7. Kira nilai Nisbah Margin Caruman, sekiranya harga jualan seunit ialah RM 15.00 CLO2 dan jumlah kos berubah ialah RM 8.50. T1
- A** 43%
B 50%
C 100%
D 150%
8. Jika nilai TPM (unit) ialah 12, 308 unit dan harga jualan seunit ialah RM 18.00, CLO2 kirakan nilai TPM (RM). T1
- A** RM 100, 000
B RM 150, 000
C RM 220, 500
D RM 221, 544
9. Kenalpasti asas bagi tokok harga. CLO1
T2
- I. Kos
II. Tokok harga
III. Turun harga
IV. Harga Jualan
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D II dan IV

10. Pilih pernyataan yang **BETUL** bagi faktor-faktor penurunan harga barang. CLO1
T2
- I. Masih terdapat banyak stok yang tidak dijual
 - II. Barang jualan telah hampir tamat tarikh luput
 - III. Barang jualan mungkin telah kotor atau rosak
 - IV. Barang jualan mendapat sambutan yang tinggi
- A** I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV
11. Kedai runcit Rahim membeli satu karton air mineral 500ml dari pemborong pada CLO2 harga RM 12.00 dan menjualnya semula pada harga RM 24.00. Selesaikan T2 pengiraan kadar tokok harga berasaskan kos air mineral tersebut.
- A** 100%
B 120%
C 140%
D 150%
12. Sebuah komputer riba telah ditokok harga sebanyak 30% daripada kos. Kirakan CLO2 peratus tokok harga berasaskan harga jualan yang setara dengan kadar tokok T2 harga berkenaan.
- A** 20%
B 23%
C 30%
D 35%
13. Sehelai tudung pada asalnya dijual pada harga RM 65.00 telah diturunkan harga CLO2 kepada RM 50.00. Tunjukkan nilai kadar turun harga tudung tersebut. T2
- A** 22.0%
B 23.1%
C 35.0%
D 35.5%

14. Kak Nik telah membeli 300 batang ais krim Malaysia daripada pembekal dengan CLO2
harga RM 0.40 sebatang. Pada musim hujan, beliau menganggarkan 7% ais krim T2
tidak akan habis dijual. Kira harga jualan sebatang ais krim sekiranya Kak Nik
ingin memperolehi keuntungan 120% daripada kos.
- A** RM 0.95
B RM 1.50
C RM 2.00
D RM 2.20
15. Kenalpasti di antara berikut **BUKAN** merupakan syarat jualan atau kredit yang CLO1
digunakan oleh penjual bagi menentukan tempoh layak menerima diskaun tunai. T3
- A** Pentarikan biasa
B Diskaun Perdagangan Bersiri
C Pentarikan E.O.M (*End of Month*)
D Pentarikan R.O.G (*Receipt of Goods*)
16. Pilih pernyataan yang **BETUL** bagi syarat kredit 4/10, n/30. CLO1
T3
- A** Diskaun tunai akan diberikan sebanyak 4% jika hutang dijelaskan dalam
tempoh 30 hari dari tarikh invois.
B Diskaun tunai akan diberikan sebanyak 4% jika hutang dijelaskan dalam
tempoh 10 hari dari tarikh invois.
C Diskaun tunai akan diberikan sebanyak 10% jika hutang dijelaskan dalam
tempoh 30 hari dari tarikh invois.
D Diskaun tunai akan diberikan sebanyak 10% jika hutang dijelaskan dalam
tempoh 10 hari dari tarikh invois.
17. Kira harga bersih sebuah mesin basuh yang harga senarainya ialah RM 1,800 CLO2
dengan kadar diskaun 30%. T3
- A** RM 1,000
B RM 1,250
C RM 1,360
D RM 1,500

18. Kirakan harga bersih sebuah pencetak yang harga senarainya ialah RM 900 jika CLO2 diberikan diskaun perdagangan bersiri 20/15/5. T3
- A** RM 360.00
B RM 581.40
C RM 600.00
D RM 720.00
19. Aisyah menerima bil berjumlah RM 500 bertarikh 29 Januari dengan syarat kredit CLO2 5/10 E.O.M. Aisyah bercadang menjelaskan bil tersebut pada 10 Mac. Kirakan T3 nilai yang perlu Aisyah bayar.
- A** RM 400
B RM 450
C RM 475
D RM 500
20. Encik Adam menerima invois berjumlah RM 2, 500 yang bertarikh 1 Mac. Invois CLO2 tersebut tertakluk pada syarat jualan 2/10 R.O.G. Barangan tersebut diterima T3 pada 5 Mac. Selesaikan pengiraan yang perlu dibayar jika pembayaran dibuat pada 15 Mac.
- A** RM 2, 000
B RM 2, 250
C RM 2, 450
D RM 2, 500

BAHAGIAN B*[60 markah]*Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.**Soalan 1**

- a) Nyatakan definisi kos berubah dan berikan **SATU (1)** contoh. CLO1
[3 markah] T1

- b) Titik Pulang Modal (TPM) merujuk kepada paras pengeluaran di mana perniagaan tidak mendapat keuntungan atau tidak mengalami kerugian. CLO1
T1

Berdasarkan pernyataan di atas, terangkan **DUA (2)** kegunaan TPM.*[4 markah]*

- c) Butik Maryam Khadijah mengeluarkan koleksi tudung muslimah terbaru sempena Aidilfitri. Butiran jualan tudung tersebut adalah seperti berikut: - CLO2
T1
- | | | |
|---------------------|---|-------------|
| Jumlah jualan | = | 5, 000 unit |
| Harga jualan seunit | = | RM 49 |
| Kos berubah seunit | = | RM 19 |
| Kos tetap | = | RM 30, 000 |

Berdasarkan data di atas, kirakan keuntungan yang diperolehi oleh Butik Maryam Khadijah sekiranya kesemua produk tersebut berjaya dijual.

[5 markah]

- d) Mentol Creative menjual pelbagai koleksi kemeja-T. Berikut merupakan data jualan bagi tahun 2023. CLO2
T1

Jumlah jualan	=	36, 000 unit
Harga jualan seunit	=	RM 25.00
Kos berubah seunit	=	RM 8.00
Kos tetap	=	RM 50, 000

Kirakan: -

- i) Titik Pulang Modal dalam unit *[2 markah]*
- ii) Titik Pulang Modal dalam nilai *[2 markah]*
- iii) Bentukkan fungsi hasil $K(x)$ dan kos $H(x)$ *[4 markah]*

Soalan 2

- a) Kadangkala harga barangan diturun harga atau ditokok harga beberapa kali CLO1
sepanjang tempoh proses jual beli berlaku. T2

- i) Berdasarkan pernyataan di atas, nyatakan **DUA (2)** asas pengiraan tokok harga.

[2 markah]

- ii) Senaraikan **DUA (2)** faktor penurunan harga barang.

[2 markah]

- b) Jadual 1 menunjukkan situasi dalam perniagaan. Kategorikan sama ada peniaga CLO1
perlu menokok harga atau menurunkan harga berdasarkan situasi berikut: - T2

Bil.	Situasi	Tokok Harga / Turun Harga
i.	Berlaku lebihan stok biskut jenama X kerana kurang mendapat sambutan masyarakat.	
ii.	Menjelang musim perayaan, permintaan terhadap daging ayam meningkat menyebabkan bekalan sangat terhad.	
iii.	Pemberian bantuan subsidi kepada penternak ayam menyebabkan pertambahan kepada penawaran.	
iv.	Kilang Perabot Jati membuat promosi besar-besaran barangan perabot yang rosak akibat banjir.	
v.	Kos bahan mentah diramal meningkat lebih 10 peratus berikutan jangkaan kenaikan kadar inflasi seterusnya mempengaruhi harga barang di pasaran.	
vi.	Kenaikan harga beras import menyebabkan rakyat Malaysia beralih kepada beras tempatan dan menyebabkan bekalan beras tempatan tidak mencukupi.	

Jadual 1

[6 markah]

- c) Kedai Deko Impiana telah membayar RM 950.00 untuk satu set meja makan CLO2 yang dibekalkan oleh Syarikat Perabot Ben Lee dan menjual semula set meja T2 makan tersebut pada harga RM 1200.00. Kirakan: -

- i) Nilai tokok harga [2 markah]
- ii) Kadar tokok harga berasaskan kos [2 markah]
- iii) Harga jualan sekiranya diturunkan harga sebanyak 40% untuk jualan musim perayaan. [3 markah]
- iv) Harga jualan akhir sekiranya set tersebut ditokok harga sebanyak 10% berasaskan kos. [3 markah]

Soalan 3

- a) Pemborong atau pengilang kerap menawarkan diskaun tunai kepada peruncit CLO1 dalam satu tempoh tertentu. T3
- i) Nyatakan definisi Diskaun Tunai. [2 markah]
 - ii) Senaraikan **DUA (2)** jenis diskaun tunai selain pentarikan biasa. [2 markah]
- b) Syarikat A&Z menerima invois bernilai RM 1,845 untuk bekalan peralatan CLO1 percetakan bertarikh 01 Mac 2024 dengan syarat jualan 5/10, 2/15, n/30. Denda T3 3% akan dikenakan sekiranya pembayaran dibuat selepas 30 hari. Berdasarkan Jadual 2, kenalpasti sama ada Syarikat A&Z layak atau tidak layak menerima diskaun tunai dan nyatakan kadar diskaun yang layak diterima.

Anda dikehendaki menyalin dan mengisi maklumat pada Jadual 2 menggunakan kertas jawapan.

Tarikh Invois	Layak / Tidak layak menerima diskaun	Kadar diskaun / Denda
i) 10 Mac 2024		
ii) 26 Mac 2024		
iii) 01 April 2024		

Jadual 2

[6 markah]

- c) Seorang pembekal meja menawarkan dua pilihan pembelian kepada CLO2 pelanggannya. Pilihan pertama pada harga RM 900.00 sebuah dengan siri T3 diskaun 15/10/3 dan pilihan kedua pada harga RM950 dengan siri diskaun 20/10/5. Kirakan: -

- | | |
|---|-------------------|
| i) Harga bersih pilihan pertama | <i>[4 markah]</i> |
| ii) Harga bersih pilihan kedua | <i>[4 markah]</i> |
| iii) Pilih tawaran pembelian terbaik beserta alasan | <i>[2 markah]</i> |

SOALAN TAMAT
Selamat Menjawab